

**PRN di Terengganu sukar untuk diduga, kata Najib
Free Malaysia Today
Ogos 3, 2016**

Tetapi katanya semua Adun BN sudah membuat aku janji menyokong BN dan beliau sendiri akan memantau perkembangan di negeri itu supaya tidak menyusahkan rakyat.

JAKARTA: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata sukar untuk diduga sama ada pilihan raya negeri (PRN) akan berlaku di Terengganu atau tidak, susulan krisis politik yang sedang melanda negeri itu.

Bernama melaporkan, Najib berkata PRN di Terengganu bergantung pada disiplin wakil rakyat BN.

Bagaimanapun, katanya semua Adun BN sudah membuat aku janji menyokong BN dan beliau sendiri akan memantau perkembangan seterusnya.

Najib yang juga presiden Umno dan BN berkata pada masa sama krisis politik di Terengganu akan ditangani dengan cara yang terbaik agar ia tidak menyusahkan rakyat di negeri itu.

“Kita akan tangani kedudukan politik di Terengganu agar ia tidak menyusahkan rakyat Terengganu dan saya sedang pantau, tunggu laporan daripada MB,” katanya kepada pemberita bagi merumuskan hasil lawatan kerja tiga hari di Jakarta yang berakhir hari ini.

Krisis politik di Terengganu dikatakan semakin tegang apabila bekas menteri besarnya Ahmad Said yang juga Adun Kijal bakal dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin Umno kerana bertindak berlawanan dengan kerajaan pimpinan BN termasuk mengusul undi tidak percaya kepada menteri besar.

Kedudukan kerajaan negeri itu menjadi goyah jika Ahmad Said dipecat daripada Umno kerana BN memiliki 17 kerusi dalam DUN manakala PAS mempunyai 14 kerusi dengan PKR satu kerusi di Terengganu.

Ahmad dalam kenyataannya baru-baru ini berkata dua senario yang mungkin berlaku dalam masa terdekat di Terengganu ialah jika DUN digantung, kemudian pilihan raya mengejut mesti diadakan.

Namun, katanya, jika lebih daripada dua Adun Umno keluar parti maka pembangkang akan membentuk kerajaan negeri akan datang.

Ahmad Razif dilantik sebagai menteri besar bagi menggantikan Ahmad pada Mei 2014.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2016/08/03/prn-di-terengganu-sukar-untuk-diduga-kata-najib/>